



## Outstanding Award Achievements In Health, Safety and Environment

**“Scraps to Scrumptious”**  
A Fight Against Food Waste



## Group CEO's Message Warkah CEO Kumpulan

Mr. Stephen Chin

The past year has been truly a year of exceptional growth and achievement for Trienekens. Together, we not only met but exceeded our business targets, ensuring customer satisfaction and reaffirming our position as a trusted leader in the waste management industry. The challenges we faced were met with resilience, and the opportunities we embraced paved the way for a stronger, more innovative future.

One of the highlights of 2024 was the recognition of our unwavering commitment to safety. We have received numerous awards such as the Shell Malaysia Safety Award, Laboratory Excellence Awards, Best Employer Award for Work-Related Road Safety Management 2023, and the Best Employer Award for Commuting Safety Management 2023. These are a testament to our dedication to the well-being of the public, our customers, our people, and the environment. These accolades are not merely trophies but a reflection of the hard work, perseverance, and collective effort that each of our team members has contributed.

The past year, we also launched the Zero Food Waste awareness campaign as an initiative to combat food waste in Kuching City. This campaign reflects our dedication to sustainability and our drive to create meaningful change within our community.

These milestones would not have been possible without the invaluable support from our customers, government agencies, and key stakeholders. Collaborative efforts have been, and will continue to be, a cornerstone of our success. Through partnerships, education, research and development, and continuous training, we are optimising resources and refining our processes to achieve our mission of becoming the leading and most trusted waste management service provider in the region.

To our dedicated staff, I extend my deepest gratitude. Your hard work, innovative thinking, and commitment to excellence have been instrumental in driving Trienekens forward. As we look ahead to 2025, let us continue fostering cohesive teamwork and striving for the highest standards in service quality, customer satisfaction, safety, and environmental sustainability. These principles remain at the heart of what we do and will guide us as we navigate the opportunities and challenges of the year ahead.

Thank you for your unwavering dedication and contribution to the company's success. Together, let us make 2025 another incredible year for the company and the communities we serve.

*Tahun lepas merupakan tahun pertumbuhan dan pencapaian luar biasa bagi Trienekens. Bersama-sama, kita bukan sahaja mencapai, malah melebihi sasaran perniagaan kita, memastikan kepuasan pelanggan dan mengukuhkan kedudukan kita sebagai peneraju yang dipercayai dalam industri pengurusan sisa. Cabaran yang kita hadapi diatasi dengan ketabahan, manakala peluang yang kita manfaatkan membuka jalan ke arah masa depan yang lebih kukuh dan inovatif.*

*Salah satu pencapaian penting tahun 2024 adalah pengiktirafan terhadap komitmen kita yang tidak berbelah bahagi terhadap keselamatan. Kita telah menerima pelbagai anugerah seperti Anugerah Keselamatan Shell Malaysia, Anugerah Kecemerlangan Makmal, Best Employer Award for Work-Related Road Safety Management 2023, dan Best Employer Award for Commuting Safety Management 2023. Anugerah ini membuktikan dedikasi kita terhadap kesejahteraan orang awam, para pelanggan, kakitangan, dan alam sekitar. Pencapaian ini bukan sekadar trofi, tetapi cerminan kerja keras, ketekunan, dan usaha kolektif setiap anggota pasukan kita.*

*Pada tahun lalu juga, kita telah melancarkan kempen kesedaran "Zero Food Waste" sebagai satu inisiatif untuk menangani pembaziran makanan di Bandaraya Kuching. Kempen ini mencerminkan dedikasi kita terhadap kelestarian dan usaha kita untuk membawa perubahan bermakna dalam komuniti kita.*

*Segala kejayaan-kejayaan ini tidak akan dapat dicapai tanpa sokongan yang tidak ternilai daripada pelanggan, agensi kerajaan, dan pihak berkepentingan utama. Usaha bersama telah, dan akan terus menjadi asas kejayaan kita. Melalui kerjasama, pendidikan, penyelidikan dan pembangunan, serta latihan berterusan, kita sedang mengoptimalkan sumber dan memperhalusi proses untuk mencapai misi kita menjadi penyedia perkhidmatan pengurusan sisa yang paling dipercayai di rantau ini.*

*Kepada semua kakitangan kita yang berdedikasi, saya mengucapkan setinggi-tinggi penghargaan kepada anda semua. Usaha keras, pemikiran inovatif, dan komitmen anda terhadap kecemerlangan telah menjadi pemangkin kepada kemajuan Trienekens. Ketika kita melangkah ke tahun 2025, marilah kita terus memupuk kerjasama pasukan yang erat dan berusaha untuk mencapai standard tertinggi dalam kualiti perkhidmatan, kepuasan pelanggan, keselamatan, dan kelestarian alam sekitar. Prinsip-prinsip ini tetap menjadi teras kepada apa yang kita lakukan dan akan memandu kita dalam menghadapi peluang dan cabaran tahun mendatang.*

*Terima kasih atas dedikasi dan sumbangan anda yang tidak berbelah bahagi terhadap kejayaan syarikat. Bersama-sama, marilah kita menjadikan 2025 tahun yang luar biasa untuk syarikat dan komuniti yang kita layani.*

# CONTENTS/ KANDUNGAN

## Corporate Affairs / Hal Ehwal Korporat

- Trienekens Shines With Outstanding Achievements 02  
*Trienekens Menyerlah Dengan Pencapaian Cemerlang*
- Trienekens Participates In National Environment Day Celebration 05  
*Trienekens Menyertai Sambutan Hari Alam Sekitar Kebangsaan*
- Creating A Sustainable Future Together 07  
*Bersama Wujudkan Masa Depan Lestari*

## HSE

- Trienekens HSE Day – Together For A Safer Tomorrow 08  
*Hari HSE Trienekens – Bersama Menuju Esok Yang Lebih Selamat*
- Increasing Efficiency Through Audit 10  
*Meningkatkan Kecekapan Melalui Audit*

## Human Resources / Sumber Manusia

- Elevating Workforce Competency 13  
*Meningkatkan Kecekapan Tenaga Kerja*

## Corporate Social Responsibility/ Tanggungjawab Sosial Korporat

- Supporting The Community 15  
*Menyokong Komuniti*

## Special Feature / Rencana Khas

- Fighting Food Waste With “Scraps To Scrumptious” 16  
*Perangi Pembaziran Makanan Dengan “Scraps To Scrumptious”*
- Sustainable Partnerships For Greener Communities 18  
*Kerjasama Lestari Untuk Komuniti Yang Lebih Hijau*

## Our People / Rakan Sekerja Kita

- Employees Of The Year 2024 19  
*Pekerja-Pekerja Cemerlang Tahun 2024*
- New Team Members / Tenaga Kerja Baru 20
- Promotions / Kenaikan Pangkat 20

## Spot The Difference / Carikan Perbezaan

21

## Madah Kita Editorial Team

### Advisor / Penasihat:

Katherine Kong

### Concept & Editorial / Konsep & Redaksi:

Janet J. Balong

Rebecca Su

### Contributors / Penyumbang:

Clare Kho

Hafizah Hamdan

Doreen Lang

Marilyn Martin

Felicia Raelo

# Trienekens Shines With Outstanding Achievements

## Trienekens Menyerlah Dengan Pencapaian Cemerlang



Trienekens Deputy Group CEO, Elvin Wee (second right) receiving the Gold Award from Shell Malaysia's Country Chair, Siti Sulaiman (second left).

*Timbalan CEO Kumpulan Trienekens, Elvin Wee (kedua kanan) menerima Anugerah Emas daripada Pengerusi Negara Shell Malaysia, Siti Sulaiman (kedua kiri).*

2024 solidified Trienekens' position as a leader in sustainability, safety and operational excellence through a series of awards highlighting the company's initiatives in safety operational excellence. These awards underscore the company's unwavering commitment to innovation, environmental stewardship and the health and safety of its employees, partners and communities.

In June, Trienekens proudly clinched its second consecutive Gold Award at the highly esteemed Shell Malaysia Safety Awards (SMSA). This back-to-back victory recognised the company's outstanding performance in health, safety and environmental initiatives. Trienekens Group CEO, Stephen Chin, attributed the win to the dedication of the team, customers and stakeholders, whose trust and collaboration inspire Trienekens to continuously excel in the field of waste and environmental management.

Trienekens' commitment to road safety received dual recognition at the Conference on Asia Road Safety 2024 (CARS) in September. The company was named Best Employer for Work-Related Road Safety Management and the First Runner-Up for Commuting Safety Management, making Trienekens the first Sarawakian company to achieve both distinctions. Organised by Pertubuhan Keselamatan Sosial (PERKESO) and the Malaysian Institute of Road Safety Research (MIROS), these awards acknowledged Trienekens' pioneering efforts in road safety management.

In recognition of its unwavering commitment to sustainability, Trienekens was honoured with the Exceptional Facility Management Award at the Waste Management Outstanding Achievement Awards 2024 in October. Organised by the Waste Management Association of Malaysia (WMAM), this prestigious recognition highlights the company's leadership in delivering innovative waste management solutions while championing environmental stewardship and sustainable practices.



Trienekens COO, Alice Lee (centre) and General Manager for HSE, Harris Anak Michael Deho (third right) together with the Minister of Human Resources, YB Steven Sim Chee Keong (third left), Deputy Minister of Human Resources, YB Dato' Sri Abdul Rahman Bin Haji Mohamad (second left) and Director General of DOSH, Ir. Hj. Mohd Hatta Bin Zakaria (far left).

*COO Trienekens, Alice Lee (tengah) dan Pengurus Besar HSE, Harris Anak Michael Deho (ketiga kanan) bersama Menteri Sumber Manusia, YB Steven Sim Chee Keong (ketiga kiri), Timbalan Menteri Sumber Manusia, YB Dato' Sri Abdul Rahman Bin Haji Mohamad (kedua kiri) dan Ketua Pengarah DOSH, Ir. Hj. Mohd Hatta Bin Zakaria (hujung kiri).*

In November, Trienekens was honoured to be the first Sarawakian company to receive the prestigious Excellent Employer Award for Safe Journey Management at the National Occupational Safety and Health Awards 2023 (AKKPN23). Organised by the National Council for Occupational Safety and Health (NCOSH), this award recognises Trienekens' dedication to ensuring the safety of its employees through rigorous journey management standards.

With these achievements, the company remains steadfast in its mission of advancing sustainability and safety, driven by the collective effort and dedication of its exceptional team with the unwavering support from our stakeholders.

Pada tahun 2024, Trienekens telah mengukuhkan kedudukannya sebagai peneraju kelestarian, keselamatan dan kecemerlangan operasi melalui pelbagai anugerah yang menyerlahkan inisiatif syarikat dalam kecemerlangan operasi keselamatan. Anugerah-anugerah ini menekankan komitmen syarikat terhadap inovasi, pengurusan alam sekitar, serta kesihatan dan keselamatan pekerja, rakan kongsi, dan komuniti.

Pada bulan Jun, Trienekens dengan bangganya telah meraih Anugerah Emas keduanya di Anugerah Keselamatan Shell Malaysia (SMSA) yang berprestij. Kemenangan dua tahun berturut-turut ini mengiktiraf prestasi cemerlang syarikat dalam inisiatif kesihatan, keselamatan dan alam sekitar. CEO Kumpulan Trienekens, Stephen Chin, mengaitkan kejayaan ini dengan kepercayaan, kerjasama serta



Trienekens' General Manager for Treatment and Disposal, Simon Chow (second right) accepting the award from Petaling Jaya City Council (MBPJ) Mayor Tuan Hj Mohamad Zahri bin Hj Samingon (second left) alongside WMAM Chairman, Mr. Ho De Leong (right) and Vice Chairman Datuk Mohammed Saffian Omar (left).

*Pengurus Besar Rawatan dan Pelupusan Trienekens, Simon Chow (kedua kanan) menerima anugerah daripada Datuk Bandar Majlis Bandaraya Petaling Jaya (MBPJ) Tuan Hj Mohamad Zahri bin Hj Samingon (kedua kiri) bersama Pengerusi WMAM, Encik Ho De Leong (kanan) dan Naib Pengerusi Datuk Mohammed Saffian Omar (kiri).*

dedikasi pasukan, pelanggan dan pihak berkepentingan, yang telah memberi inspirasi kepada Trienekens untuk terus cemerlang dalam bidang pengurusan sisa dan alam sekitar.

Komitmen Trienekens terhadap keselamatan jalan raya mendapat pengiktirafan berganda di Persidangan

Keselamatan Jalan Raya Asia 2024 (CARS) pada bulan September dengan memenangi Best Employer Award for Work-Related Safety Management dan Naib Johan untuk Best Employer Award for Commuting Safety Management, menjadikan Trienekens syarikat pertama dari Sarawak yang menerima kedua-dua pengiktirafan ini. Dianjurkan oleh Pertubuhan Keselamatan Sosial (PERKESO) dan Institut Penyelidikan Keselamatan Jalan Raya Malaysia (MIROS), anugerah ini mengiktiraf usaha perintis Trienekens dalam pengurusan keselamatan jalan raya.



Harris (second right) receiving the Best Employer Award for Work-Related Road Safety Management 2023 from YB Loke Siew Fook (second left), Mr. Edmund Peck (left) and YBrs. Prof. Madya Ts. Dr. Siti Zaharah Ishak (right).

Harris (kedua kanan) menerima Best Employer Award for Work-Related Road Safety Management 2023 daripada YB Loke Siew Fook (kedua kiri), Encik Edmund Peck (kiri) dan YBrs. Prof. Madya Ts. Dr Siti Zaharah Ishak (kanan).

Sebagai pengiktirafan komitmen berterusan syarikat terhadap kelestarian, Trienekens telah dianugerahkan Anugerah Pengurusan Fasilitas Cemerlang semasa Anugerah Pencapaian Cemerlang Pengurusan Sisa 2024 pada bulan Oktober. Dianjurkan oleh Persatuan Pengurusan Sisa Malaysia (WMAM), pengiktirafan berprestij ini menyerlahkan kepimpinan syarikat dalam menyediakan penyelesaian pengurusan sisa yang inovatif sambil memperjuangkan pengurusan alam sekitar dan amalan yang mampan.



Division Manager for Logistics and Services, Lee Ghee Seng (second right) receiving the Best Employer Award for Commuting Safety Management 2023 (first runner-up) from YB Loke Siew Fook (second left), Mr. Edmund Peck (left) and YBrs. Prof. Madya Ts. Dr. Siti Zaharah Ishak (right).

Pengurus Bahagian Logistik dan Perkhidmatan, Lee Ghee Seng (kedua kanan) menerima Best Employer Award for Commuting Safety Management 2023 (naib johan) daripada YB Loke Siew Fook (kedua kiri), En. Edmund Peck (kiri) dan YBrs. Prof. Madya Ts. Dr Siti Zaharah Ishak (kanan).

Pada bulan November, Trienekens dengan bangganya telah menjadi syarikat Sarawak pertama untuk menerima Anugerah Majikan Cemerlang untuk Pengurusan Perjalanan Selamat di Anugerah Keselamatan dan Kesihatan Pekerjaan Kebangsaan 2023 (AKKPN23). Dianjurkan oleh Majlis Negara Bagi Keselamatan dan Kesihatan Pekerjaan (MNKPP), anugerah ini mengiktiraf dedikasi Trienekens dalam memastikan keselamatan pekerjaannya berdasarkan tahap pengurusan perjalanan yang ketat.

Dengan pencapaian-pencapaian ini, Trienekens tetap teguh dalam misinya untuk memajukan kelestarian, didorong oleh usaha kolektif dan dedikasi pasukan yang cemerlang serta sokongan padu daripada pihak berkepentingan.

# Trienekens Participates In National Environment Day Celebration

## Trienekens Menyertai Sambutan Hari Alam Sekitar Kebangsaan



Sarawak State-level National Environment Day (HASN) was celebrated on 23 October with the theme “Environment Is Our Shared Responsibility”. Organised by the Natural Resources and Environment Board (NREB) Sarawak in collaboration with the Department of Environment (DOE) Sarawak, Trienekens is proud to have collaborated in the impactful event officiated by The Right Honourable Premier of Sarawak, Datuk Patinggi Tan Sri Dr. Abang Haji Abdul Rahman Zohari bin Tun Datuk Abang Haji Openg.

The special event included the adoption of schools under NREB’s School Environmental (PALS) Club where Trienekens pledged RM16,000 to support eight schools in Kuching and Betong. These funds will facilitate year-long environmental education programmes and initiatives aimed at fostering sustainable practices and instilling environmental stewardship among students.

In the lead-up to HASN, several engaging fringe activities were organised. These included a Zero Food Waste Video Contest, a Train-the-Trainer session for PALS Club teachers focused on the Solid Waste Management: Journey Towards Sustainability book and a Scheduled Waste and Technologically Enhanced Naturally Occurring Radioactive Material (TENORM) Transportation Drill, among others.

On top of these initiatives, the half-day event included exhibitions by various agencies and corporate bodies, as well as an electrical and electronic waste collection campaign (BEE) for the community run by NREB, DOE, the Council of the City of Kuching South (MBKS) and Trienekens earlier in the month.



Trienekens Deputy Group CEO Elvin Wee presenting the PALS Club school adoption mock cheque to NREB Sarawak Deputy Controller Mr. Paul Bond ak Chamberlin.

*Timbalan CEO Kumpulan Trienekens, Elvin Wee, menyerahkan mock cek sekolah angkat Kelab PALS kepada Timbalan Controller NREB Sarawak, Encik Paul Bond ak Chamberlin.*

*Hari Alam Sekitar Negara (HASN) Peringkat Negeri Sarawak telah disambut pada 23 Oktober dengan tema “Alam Sekitar Tanggungjawab Bersama”. Dianjurkan oleh Lembaga Sumber Asli dan Alam Sekitar (NREB) Sarawak dengan kerjasama Jabatan Alam Sekitar (DOE) Sarawak, Trienekens berbangga menjadi rakan kolaborasi dalam acara yang penuh bermakna ini yang telah dirasmikan oleh Yang Amat Berhormat Premier Sarawak, Datuk Patinggi Tan Sri Dr. Abang Haji Abdul Rahman Zohari bin Tun Datuk Abang Haji Openg.*

*Acara istimewa ini turut menyaksikan pengambilan sekolah angkat di bawah Kelab Pencinta Alam Sekitar (PALS) NREB,*



Teams from NREB, DOE, MBKS and Trienekens at the HASN BEE campaign.

*Pasukan-pasukan dari NREB, DOE, MBKS dan Trienekens di kempen BEE HASN.*

*di mana Trienekens telah menyumbang RM16,000 kepada lapan sekolah di sekitar Kuching dan Betong. Dana ini akan membiayai program dan inisiatif pendidikan alam sekitar sepanjang tahun yang bertujuan memupuk serta menanam amalan pengurusan alam sekitar lestari di kalangan pelajar.*

*Menjelang HASN, beberapa aktiviti sampingan yang menarik telah dianjurkan. Antaranya, Pertandingan Video “Zero Food Waste”, sesi latihan untuk guru-guru Kelab PALS tentang buku Pengurusan Sisa Pepejal: Perjalanan*



Trienekens' representative briefing the PALS Club teachers on the “Solid Waste Management: Journey Towards Sustainability” book.

*Wakil Trienekens memberi taklimat kepada guru-guru Kelab PALS mengenai buku “Pengurusan Sisa Pepejal: Perjalanan Ke Arah Kelestarian”.*

*Ke Arah Kelestarian dan Dril Pengangkutan Sisa Terjadual dan Bahan Radioaktif Semulajadi yang Dipertingkatkan Teknologi (TENORM), serta lain-lain lagi.*

*Acara separuh hari tersebut turut menampilkan pameran oleh pelbagai agensi dan badan korporat, serta kempen pengumpulan sisa elektrik dan elektronik (BEE) untuk komuniti yang dijalankan oleh NREB, DOE, Majlis Bandaraya Kuching Selatan (MBKS) dan Trienekens pada awal bulan tersebut.*



Teams from NREB Sarawak, DOE Sarawak, Department of Atomic Energy (Atom) Malaysia, Department of Occupational Safety and Health (DOSH), State Disaster Management Committee (SDMC), Malaysian Fire and Rescue Department (BOMBA), Malaysian Civil Defense Department (APM), Sarawak Rivers Board (SRB), Royal Malaysia Police, Sarawak Shell Berhad and Trienekens after the drill.

*Pasukan-pasukan dari NREB Sarawak, JAS Sarawak, Jabatan Tenaga Atom (Atom) Malaysia, Jabatan Keselamatan dan Kesihatan Pekerjaan (JKKP), Jawatankuasa Pengurusan Bencana Negeri (JPBN), Jabatan Bomba dan Penyelamat (BOMBA) Malaysia, Angkatan Pertahanan Awam Malaysia (APM), Lembaga Sungai-sungai Sarawak (LSS), Polis Diraja Malaysia (PDRM), Sarawak Shell Berhad dan Trienekens selepas dril.*



# Creating A Sustainable Future Together

## Bersama Wujudkan Masa Depan Lestari

Corporate visits reflect Trienekens' commitment to sustainability and learning, fostering collaboration, knowledge exchange, and partnerships for better waste management and a greener future.

*Lawatan korporat mencerminkan komitmen Trienekens terhadap kelestarian dan pembelajaran, menggalakkan kerjasama, pertukaran pengetahuan, serta perkongsian untuk pengurusan sisa yang lebih baik dan masa depan yang lebih hijau.*

### Visit by Penang Health Department / Lawatan dari Jabatan Kesihatan Negeri Pulau Pinang



Trienekens recently hosted a delegation from the Penang Health Department (JKNPP) at the Kuching Integrated Waste Management Park (KIWMP). The group, comprising healthcare professionals from various health institutions in Penang gained first-hand insights into sustainable waste management practices implemented at the park. The group, led by Sungai Bakap Hospital Director, Dr. Mohamad Nazmi bin Mohamad Hussain (front row, in light blue), learned about the integrated waste facility from KIWMP Reception Inventory Management (RIM) System and Hazardous Waste Incinerator (HWI) Division Manager, Geoji Jusua Wilson (far left), and Julian Gabriel Bain, Department Manager for Landfill (front row, eighth right).

*Trienekens baru-baru ini menerima delegasi dari*

*Jabatan Kesihatan Negeri Pulau Pinang (JKNPP) di Taman Pengurusan Sisa Bersepadu Kuching (KIWMP). Kumpulan tersebut, yang terdiri daripada profesional kesihatan dari beberapa institusi kesihatan di sekitar Pulau Pinang, telah mendapatkan penerangan langsung mengenai amalan pengurusan sisa lestari yang dikendalikan di taman tersebut. Rombongan yang diketuai oleh Pengarah Hospital Sungai Bakap, Dr. Mohamad Nazmi bin Mohamad Hussain (barisan hadapan, berbaju biru muda), mempelajari tentang fasiliti pengurusan sisa bersepadu daripada Pengurus Bahagian Sistem Pengurusan Inventori Penerimaan (RIM) dan Insinerator Sisa Berbahaya (HWI), Geoji Jusua Wilson (hujung kiri), serta Julian Gabriel Bain, Pengurus Jabatan Tapak Pelupusan (barisan hadapan, kelapan kanan).*

### Visit by FULONGMA Group Lawatan dari Kumpulan FULONGMA

Trienekens Deputy Group CEO, Elvin Wee (front row, second left) recently welcomed a team from FULONGMA, led by General Manager of Export, Miss Yoyo You (front row, second right). The visit served as a platform for both parties to share their experiences while keeping up to date on the latest technologies in their fleets.

*Timbalan CEO Kumpulan Trienekens, Elvin Wee (barisan hadapan, kedua kiri) telah menyambut kunjungan pasukan FULONGMA yang diketuai Pengurus Besar Eksport, Cik Yoyo You (barisan hadapan, kedua kanan). Lawatan tersebut menjadi platform penting untuk berkongsi pengalaman sambil mengikuti perkembangan teknologi terkini trak mereka.*



### Visit by Malaysian Ministry of Health Kuching Training Institute Lawatan dari Institut Latihan Kementerian Kesihatan Malaysia Kuching



Students of Advanced Diploma in Preoperative Care from the Ministry of Health Kuching Training Institute visited KIWMP to learn about the waste treatment process. The visit included a briefing session on waste management procedures and safety protocols, followed by a tour of the facility to observe first-hand the operations involved in treating and managing different types of waste.

*Pelajar Diploma Lanjutan Perawatan Perioperatif dari Institut Latihan Kementerian Kesihatan Kuching telah melawat KIWMP untuk mempelajari proses rawatan sisa. Lawatan tersebut merangkumi sesi taklimat mengenai prosedur pengurusan sisa dan protokol keselamatan, diikuti dengan lawatan ke fasiliti untuk melihat secara langsung operasi merawat dan pengurusan pelbagai jenis sisa.*

# Trienekens HSE Day – Together For A Safer Tomorrow

## Hari HSE Trienekens – Bersama Menuju Esok Yang Lebih Selamat



Trienekens' management team, award winners and guests at the end of the HSE Day celebration in Kuching.  
*Pasukan pengurusan Trienekens, para pemenang anugerah dan tetamu di penghujung sambutan Hari HSE di Kuching.*

Trienekens' Health, Safety and Environment (HSE) Month 2024 wrapped up with an inspiring HSE Day celebration, where employees, agencies and sub-contractors united with a shared mission to prioritise health, safety, and environmental stewardship. Held from October through November, this year's theme, "We C.A.R.E - Together for a Safer Tomorrow!", underscored the company's dedication to a robust safety culture built on Communication, Action, Respect and Empowerment - pillars supporting a safer, healthier workplace for all.

In his welcoming remarks, Trienekens Group CEO, Stephen Chin, highlighted the importance of preserving precious natural resources. He encouraged sustainable habits like reducing consumption and embracing a zero-waste lifestyle, underscoring how small changes can protect the environment for future generations.

The half-day event also included a series of talks related to safety and the environment. Henry Anak Tinsang from the Department of Occupational Safety & Health (DOSH) shared an interesting talk on "Workplace Ergonomics"—reminding everyone to prioritise their physical well-being in both office and field environments. Another guest speaker, Marinni Binti Dato Haji Khir from NREB Sarawak, highlighted the urgent need for responsible e-waste disposal in her talk on "The Dangers of E-Waste".

The event's highlight was the recognition of individuals and teams who had excelled in health, safety and environmental practices throughout the year, applauding their commitment to HSE excellence. Awards were presented in 16 categories in accordance with HSE's stringent safety standards,



Saving lives... After preliminary checks, staff are ready to donate.  
*Menyelamatkan nyawa... Selepas pemeriksaan awal, staf bersedia menderma.*

honouring 32 individuals and three departments for their exemplary contributions.

Trienekens' Bintulu Branch hosted a parallel event, attended by General Manager for HSE, Harris Anak Michael Deho. The branch staff participated in sessions led by En. Mohamad Shahbani from DOSH on "Safety and Health in the Workplace" and Encik Barry Igai from Asean Bintulu Fertilizer (ABF) who presented on "Line of Fire" hazards in the workplace.

The celebration wrapped up on a high note, with heartfelt congratulations to Team Trienekens and their business partners for setting high standards in safety practices. Together, We C.A.R.E!



Award winners and guests during HSE Day at the company's Bintulu Branch with Harris (seated, centre).  
Pemenang anugerah dan tetamu pada Hari HSE di Cawangan Bintulu bersama Harris (duduk, tengah).



Participants and facilitators of HSE's Safety Treasure Hunt 2024 which focused on the company's "Stop Work" Policy.  
Peserta dan fasilitator Carian Harta Karun Keselamatan HSE 2024 yang menekankan Polisi "Memberhenti Kerja" syarikat.



KIWMP staff listening to a talk on eye health.  
Staf KIWMP mendengar ceramah berkaitan kesihatan mata.



Trienekens Bintulu Branch team gathering at the start of the beach clean-up at Tanjung Batu.  
Pasukan Trienekens Cawangan Bintulu berkumpul sebelum pembersihan pantai di Tanjung Batu.

Bulan Kesihatan, Keselamatan dan Alam Sekitar (HSE) Trienekens 2024 berakhir dengan sambutan Hari HSE yang penuh inspirasi, di mana pekerja, agensi, dan sub-kontraktor mempunyai misi yang sama untuk mengutamakan kesihatan, keselamatan, dan pengurusan alam sekitar. Diadakan dari bulan Oktober hingga November, tema tahun ini, "Kita Prihatin – Bersama Menuju Esok yang Lebih Selamat!", menekankan dedikasi syarikat terhadap budaya keselamatan yang kukuh yang dibina berdasarkan Komunikasi, Tindakan, Hormat dan Pemerkasaan – dasar untuk mewujudkan tempat kerja yang lebih selamat dan sihat untuk semua.

Dalam ucapan alu-aluan, CEO Kumpulan Trienekens, Stephen Chin, menekankan kepentingan memelihara sumber alam semula jadi yang berharga. Beliau menggalakkan amalan lestari seperti mengurangkan penggunaan dan mengamalkan gaya hidup sifar sisa, dan menekankan pentingnya perubahan kecil untuk melindungi alam sekitar untuk generasi akan datang.

Acara separuh hari tersebut juga merangkumi siri ceramah berkaitan keselamatan dan alam sekitar. Henry Anak Tinsang dari Jabatan Keselamatan dan Kesihatan Pekerjaan (JKKP) berkongsi ceramah menarik mengenai Ergonomik Tempat Kerja – mengingatkan semua orang untuk mengutamakan kesejahteraan fizikal mereka di persekitaran pejabat dan

lapangan. Seorang lagi penceramah jemputan, Marinni Binti Dato Haji Khir dari NREB Sarawak, menekankan keperluan mendesak pelupusan sisa elektronik dengan bertanggungjawab dalam ceramahnya mengenai "Bahaya Sisa Elektronik".

Acara kemuncak adalah pengiktirafan individu dan pasukan yang cemerlang dalam amalan kesihatan, keselamatan dan alam sekitar sepanjang tahun, sebagai penghargaan kepada komitmen mereka terhadap kecemerlangan HSE. Anugerah disampaikan dalam 16 kategori mengikut tahap keselamatan ketat HSE, mengiktirafkan 32 individu dan tiga jabatan atas sumbangan cemerlang mereka.

Cawangan Trienekens Bintulu telah menganjurkan acara serupa, yang dihadiri oleh Pengurus Besar HSE, Harris Anak Michael Deho. Kakitangan cawangan mengambil bahagian dalam sesi-sesi yang dikendalikan oleh En. Mohamad Shahbani dari DOSH mengenai "Keselamatan dan Kesihatan di Tempat Kerja" dan Encik Barry Igai dari Asean Bintulu Fertilizer (ABF) yang membentangkan topik bahaya "Line of Fire" di tempat kerja.

Sambutan diakhiri dengan penuh semangat, dengan ucapan tahniah yang tulus kepada Pasukan Trienekens dan rakan perniagaan mereka kerana mengamalkan amalan keselamatan yang tinggi. Bersama-sama, Kita Prihatin!

## Improving Efficiency Through Audit Meningkatkan Kecekapan Melalui Audit

Trienekens regularly undergoes audits by relevant agencies and its customers, reinforcing its commitment to efficiency and safety. Audits help to ensure continuous adherence to strict requirements and guidelines and the company's internal policies.

*Trienekens mengukuhkan lagi komitmennya terhadap kecekapan dan keselamatan melalui audit berkala oleh agensi berkaitan dan pelanggannya. Audit membantu memastikan pematuhan berterusan terhadap keperluan dan garis panduan yang ketat dan polisi dalaman syarikat.*

### Compliance Inspection by Department of Environment (DOE) Sarawak Pemeriksaan Pematuhan oleh Jabatan Alam Sekitar (JAS) Sarawak



In July, DOE Sarawak visited Trienekens Depot for a routine fleet and transportation license compliance inspection in line with DOE's set regulations, approval and license conditions. Routine inspections such as these help to maintain the highest standard of compliance and safety in the company's daily operations. DOE's Enforcement Division, led by Environmental Control Officer, Alice Ngu Ka Ying (front row, fifth left), was welcomed by Division Manager of Environment and R&D, Dayang Sherrynazra ((fifth right) and Division Manager of Logistics Operations, Hafizah Binti Hamdan (fourth right).

*Pada bulan Julai, JAS Sarawak telah melawat Depo Trienekens untuk pemeriksaan rutin pematuhan lesen dan pengangkutan selaras dengan peraturan, syarat kelulusan dan perlesenan JAS. Pemeriksaan rutin seperti ini dapat memastikan tahap pematuhan dan keselamatan tertinggi dalam operasi harian syarikat. Bahagian Penguatkuasaan JAS, yang diketuai oleh Pegawai Kawalan Alam Sekitar, Alice Ngu Ka Ying (barisan hadapan, kelima kiri), telah disambut oleh Pengurus Bahagian Alam Sekitar dan R & D, Dayang Sherrynazra (kelima kanan) serta Pengurus Bahagian Operasi Logistik, Hafizah Binti Hamdan (keempat kanan).*

## Industrial Hygiene Inspection by Department of Occupational Safety and Health (DOSH) Sarawak

### Pemeriksaan Higien Industri oleh Jabatan Keselamatan dan Kesihatan Pekerjaan (JKKP) Sarawak



DOSH Sarawak recently conducted an Industrial Hygiene Inspection at Trienekens Headquarters and Depot led by Assistant Factory & Machinery Inspectors (JA29) (KUP), Claudius William (front row, second left) and Harris Ayub Anak Ngabong (front row, second right). The inspection, based on Trienekens' Self-Assessment Checklist, ensures that workplace hazards relating to Industrial Hygiene including, but not limited to, exposure to chemicals, noise and ergonomics are properly addressed.

*JKKP Sarawak baru-baru ini menjalankan Pemeriksaan Higien Industri di Ibu Pejabat dan Depo Trienekens yang diketuai oleh Penolong-penolong Pemeriksa Kilang & Jentera (JA29) (KUP), Claudius William (barisan hadapan, kedua kiri) dan Harris Ayub Anak Ngabong (barisan hadapan, kedua kanan). Pemeriksaan ini, yang berdasarkan Senarai Semak Penilaian Kendiri Trienekens, memastikan bahaya di tempat kerja yang berkaitan dengan Higien Industri termasuk, tetapi tidak terhad kepada, pendedahan terhadap bahan kimia, bunyi yang kuat dan ergonomik ditangani dengan sewajarnya.*

## Visit by Natural Resources and Environment Board (NREB) Sarawak

### Lawatan oleh Lembaga Sumber Asli dan Alam Sekitar (NREB) Sarawak



NREB's Waste Management Division visited KIWMP as part of their operation's familiarisation programme following the agency's take over of the scheduled waste management in Sarawak. The team, led by Head of Waste Management Division, Madam Noor Azima Binti Mohd Dahlan (front row, fourth left), was welcomed by General Manager of Treatment and Disposal, Simon Chow (fourth right) and General Manager of HSE, Harris Anak Michael Deho (third right).

*Bahagian Pengurusan Sisa NREB telah mengunjungi KIWMP sebagai sebahagian daripada program pengenalan operasi mereka susulan pengambilalihan Pengurusan Sisa Terjadual oleh agensi tersebut di Sarawak. Pasukan tersebut, yang diketuai oleh Ketua Bahagian Pengurusan Sisa, Puan Noor Azima Binti Mohd Dahlan (barisan hadapan, keempat kiri), disambut oleh Pengurus Besar Rawatan dan Pelupusan, Simon Chow (keempat kanan) dan Pengurus Besar HSE, Harris Anak Michael Deho (ketiga kanan).*

## Audit by Petronas Chemical Fertiliser Sabah Sdn Bhd and Petronas Carigali Sdn Bhd (Sarawak Asset)

### Audit oleh Petronas Chemical Fertiliser Sabah Sdn Bhd dan Petronas Carigali Sdn Bhd (Sarawak Asset)



(Left) The team from Petronas Carigali Sdn Bhd (Sarawak Asset), led by Environment Executive, Jerry Joehiyan (front row, second left), was welcomed by Trienekens GCEO, Stephen Chin (front row, third left). (Right) The team from Petronas Chemical Fertiliser Sabah Sdn Bhd, led by HSE Management System Auditor, Tamrin Tajari (front row, second left) and Scheduled Waste Auditor, Khazrul Elzey Wakimin (front row, second right) was welcomed by Trienekens COO, Alice Lee (front row, left).

(Kiri) Pasukan dari Petronas Carigali Sdn Bhd (Sarawak Asset), yang diketuai oleh Eksekutif Alam Sekitar, Jerry Joehiyan (barisan hadapan, kedua kiri), telah disambut oleh CEO Kumpulan Trienekens, Stephen Chin (barisan hadapan, ketiga kiri). (Kanan) Pasukan dari Petronas Chemical Fertiliser Sabah Sdn Bhd, yang diketuai oleh Juruaudit Sistem Pengurusan HSE, Tamrin Tajari (barisan hadapan, kedua kiri) dan Juruaudit Sisa Terjadual, Khazrul Elzey Wakimin (barisan hadapan, kedua kanan), telah disambut oleh COO Trienekens, Alice Lee (barisan hadapan, kiri).

A core aspect of Trienekens' Health, Safety and Environment (HSE) policies is ensuring compliance and efficiency in our daily operations. Trienekens hosted two visits from PETRONAS Group in July and August recently as part of their annual customer audit on Trienekens' HSE Management System, Scheduled Waste (SW) Management and HSE legal and statutory requirements.

Teras utama dasar Kesihatan, Keselamatan dan Alam Sekitar (HSE) Trienekens adalah memastikan pematuhan dan kecekapan operasi harian. Trienekens telah menyambut dua lawatan daripada Kumpulan PETRONAS pada bulan Julai dan Ogos baru-baru ini sebagai sebahagian daripada audit pelanggan tahunan mereka ke atas Sistem Pengurusan HSE, Pengurusan Sisa Terjadual (SW) serta keperluan undang-undang dan statutori HSE.

## Audit by Press Metal Sarawak Sdn Bhd/ Audit oleh Press Metal Sarawak Sdn Bhd



Press Metal Sarawak Sdn Bhd recently visited Trienekens as part of their Environmental, Social and Governance (ESG) Audit to better understand Trienekens' operations and ESG management approach. The group, led by EHS Manager, Joyce Ling (front row, fourth left) was welcomed by Trienekens Group CEO, Stephen Chin (front row, fifth right) and General Manager for HSE, Harris Anak Michael Deho (front row, fifth left).

Press Metal Sarawak Sdn Bhd baru-baru ini melawat Trienekens sebagai sebahagian daripada Audit Alam Sekitar, Sosial dan Tadbir Urus (ESG) mereka untuk memahami operasi dan pengurusan ESG Trienekens dengan lebih mendalam. Kumpulan tersebut, yang diketuai oleh Pengurus EHS, Joyce Ling (barisan hadapan, keempat kiri) telah disambut oleh CEO Kumpulan Trienekens, Stephen Chin (barisan hadapan, kelima kanan) dan Pengurus Besar HSE, Harris Anak Michael Deho (barisan hadapan, kelima kiri).

## Elevating Workforce Competency

### Meningkatkan Kecekapan Tenaga Kerja

Continuous learning is the cornerstone of excellence and a thriving workforce. In line with the company's commitment to nurturing talent and fostering professional growth, Trienekens employees participated in a wide array of training sessions that focused on enhancing both technical and behavioural skills development.

*Pembelajaran berterusan merupakan asas kecemerlangan dan tenaga kerja yang berkembang maju. Selaras dengan komitmen syarikat untuk memupuk bakat dan menggalakkan pertumbuhan profesional, para pekerja Trienekens telah menyertai pelbagai sesi latihan yang menumpukan pembangunan kemahiran teknikal dan tingkah laku.*

### In-house Emergency Response and Tabletop Training

#### Latihan Respons Kecemasan Dalaman dan Simulasi "Tabletop"



Trienekens' in-house Emergency Response Team (ERT) and Emergency Management Team (EMT) attended a Tabletop Emergency Preparedness and Response (EPR) Training conducted by Ms Farah Wahida from MRS Management Sdn Bhd (seated, centre). The training aimed to enhance participants knowledge and skills in handling emergency situations swiftly, which included tabletop simulations to assess and improve participants' ability to recognise and manage different emergency scenarios.

*Pasukan Respons Kecemasan (ERT) dan Pasukan Pengurusan Kecemasan (EMT) dalaman Trienekens telah menghadiri Latihan Persediaan dan Respons Kecemasan (EPR) "Tabletop" yang dikendalikan oleh Cik Farah Wahida dari MRS Management Sdn Bhd (duduk, tengah). Latihan ini bertujuan untuk meningkatkan pengetahuan dan kemahiran peserta dalam menangani situasi kecemasan dengan pantas, termasuk simulasi "tabletop" untuk menilai dan meningkatkan keupayaan mengenal pasti dan menguruskan pelbagai senario kecemasan.*

## Isuzu Operator and Basic Maintenance Training for Commercial Vehicle Latihan Pengendali dan Penyelenggaraan Asas Isuzu untuk Kenderaan Komersial

Trienekens' Commercial and Municipal Waste drivers, along with in-house mechanics, attended a Basic Maintenance Training session for ISUZU vehicles. During the session, the team had the opportunity to familiarise themselves with ISUZU commercial vehicles while learning specific inspection and maintenance techniques to ensure the vehicles' efficiency.

*Pemandu Sisa Komersial dan Perbandaran Trienekens serta mekanik dalaman telah menghadiri sesi Latihan Penyelenggaraan Asas untuk kenderaan ISUZU. Sepanjang sesi tersebut, pasukan berpeluang membiasakan diri dengan kenderaan komersial ISUZU sambil mempelajari kaedah pemeriksaan dan penyelenggaraan khusus bagi memastikan kecekapan kenderaan tersebut.*



Senior Executive of Health, Safety & Security, Marilyn Martin, briefing the Kuching Logistics team.

*Eksekutif Kanan Kesihatan, Keselamatan & Kawalan, Marilyn Martin, sedang memberikan taklimat kepada pasukan Kuching Logistik.*

## OHSE Awareness and Worker Welfare Briefing Taklimat Kesedaran OHSE dan Kebajikan Pekerja

To ensure continuous safe working conditions, Trienekens' Health, Safety and Environment (HSE) division conducts regular OHSE Awareness Briefings to update employees on changes to the Occupational Safety and Health Act (OSHA), clarify workplace safety responsibilities and promote worker welfare through better physical and mental health, improved conditions and support systems.

*Bagi memastikan keadaan kerja yang sentiasa selamat, bahagian Kesihatan, Keselamatan dan Alam Sekitar (HSE) Trienekens mengadakan taklimat Kesedaran OHSE secara berkala untuk memaklumkan para pekerja tentang sebarang pindaan kepada Akta Keselamatan dan Kesihatan Pekerjaan (OSHA), menjelaskan tanggungjawab keselamatan di tempat kerja serta mempromosi kebajikan pekerja melalui peningkatan kesihatan fizikal dan mental, persekitaraan dan sistem sokongan yang lebih baik.*

## FULONGMA Machinery Training for Logistics Maintenance Team Latihan Jentera FULONGMA untuk Pasukan Penyelenggaraan Logistik



Trienekens' in-house maintenance team regularly undergoes training to keep up-to-date with new technology and different fleet requirements. In October, FULONGMA provided theoretical maintenance training on specific electrical and hydraulic systems for compactor truck bodies. The training includes physical maintenance & trouble-shooting training of wear and tear parts on the company's actual fleet to reduce operational downtime.

*Pasukan penyelenggaraan dalaman Trienekens kerap menjalani latihan untuk memastikan kecekapan yang tinggi dengan teknologi baharu dan untuk mengenali keperluan trak yang berbeza. Pada bulan Oktober, FULONGMA telah memberikan latihan penyelenggaraan teori mengenai sistem elektrik dan hidraulik tertentu untuk badan trak kompaktor. Latihan ini turut merangkumi penyelenggaraan fizikal dan latihan mengesan masalah pada bahagian trak yang lusuh untuk mengurangkan masalah operasi.*



## Supporting The Community

### Menyokong Komuniti

Trienekens' CSR and sustainability efforts drive positive change, fostering a safe, healthy, and eco-friendly community through philanthropic support for worthy causes.

*Usaha CSR dan kelestarian Trienekens memacu perubahan positif, membina komuniti yang selamat, sihat, dan lestari melalui sokongan amal untuk tujuan yang bermanfaat.*



General Manager for HSE, Harris Anak Michael Deho (right) presenting the company's contribution to Fire Superintendent, Mr Wee Ming Hui, in support of Sarawak Fire and Rescue Department's Sports and Welfare Club's participation in the Kenyalang Sarawak Regatta Boat Race 2024.

*Pengurus Besar HSE, Harris Anak Michael Deho (kanan) menyerahkan sumbangan syarikat kepada Penguasa Bomba, Encik Wee Ming Hui, untuk menyokong penyertaan Persatuan Sukan dan Kebajikan Bomba Sarawak dalam Perlumbaan Bot Regata Kenyalang Sarawak 2024.*



Division Manager for Logistics and Services, Lee Ghee Seng (right), presenting the company's contribution to Mr. Andrew Anak Jeremy Kabay, Chairman of St. Mary Magdalene Catholic Church, Kampung Emperoh Jambu in support of their Gawai celebration.

*Pengurus Bahagian Logistik dan Perkhidmatan, Lee Ghee Seng (kanan), menyerahkan sumbangan syarikat kepada Encik Andrew Anak Jeremy Kabay, Pengerusi Gereja Katolik St Mary Magdalene, Kampung Emperoh Jambu sempena perayaan Gawai mereka.*



Division Manager of Finance, Cassie Liew (second left) presenting electrical hampers to Mr Richard Anak Bungang (second right), Headmaster of SK St Alban (M), Sungai Tapang in support of their annual Sports Day.

*Pengurus Bahagian Kewangan, Cassie Liew (kedua kiri) menyerahkan hamper elektrik kepada Encik Richard Anak Bungang (kedua kanan), Guru Besar Sk St Alban (M), Sungai Tapang untuk Hari Sukan tahunan mereka.*



Division Manager for Logistics Operations, Hafizah Binti Hamdan (right), presenting electrical hampers to a representative from P198 Puncak Borneo Community Rehabilitation Centre in support of their community carnival.

*Pengurus Bahagian Operasi Logistik, Hafizah Binti Hamdan (kanan), menyerahkan hamper elektrik kepada wakil Pusat Pemulihan Komuniti Puncak Borneo P198 untuk karnival komuniti mereka.*

# Fighting Food Waste With “Scraps To Scrumptious”

## Perangi Pembarisan Makanan Dengan “Scraps To Scrumptious”

Trienekens (Sarawak) Sdn Bhd recently launched its “Scraps to Scrumptious” video series, a zero food waste awareness initiative aimed at raising awareness on food waste prevention. Supported by the Natural Resources and Environment Board (NREB) Sarawak and UCSI University, the launching event marks a significant milestone in the fight against food loss and waste in Sarawak.

The 12-episode video series showcases creative and inspiring recipes that demonstrate how unwanted or discarded ingredients can be transformed into delicious and nutritious meals. Through these engaging videos, Trienekens, in collaboration with MasterChef Asia finalist Jasbir Kaur, hopes to encourage individuals and communities to adopt sustainable practices and make a positive impact in minimising food waste.



YB Datuk Dr Hazland (middle), Paul (fourth right) and Stephen (fourth left) taking a group photo at the end of the launching ceremony along with other VIP guests.

YB Datuk Dr Hazland (tengah), Paul (keempat kanan) dan Stephen (keempat kiri) bergambar pada akhir majlis pelancaran bersama tetamu VIP yang lain.



YB Datuk Dr Hazland launching the zero food waste video series assisted by Paul (third right) and Stephen (fifth right) as well as other VIP guests.

YB Datuk Dr Hazland melancarkan siri video “zero food waste” dengan bantuan Paul (ketiga kanan) dan Stephen (kelima kanan) serta tetamu VIP yang lain.

The video series, which was launched in conjunction with the International Day of Awareness of Food Loss and Waste and is part of the fringe activities planned under the National Environment Day 2024 celebrations organised by NREB Sarawak in October, was officiated by Sarawak’s Deputy Premier, YB Datuk Amar Prof. Dr. Sim Kui Hian, with his speech delivered by YB Datuk Dr. Hazland Bin Abang Haji Hipni, Deputy Minister for Energy and Environmental Sustainability.

Also present at the event were Trienekens Group CEO, Mr Stephen Chin, NREB Deputy Controller, Mr Paul Bond Anak Chamberlin, Council of Kuching South Deputy Mayor, Dato Zaedi Haji Suhaili, Padawan Municipal Council (MPP) Chairman, Cr. Tan Kai, Serian District Council (SDC) Chairman, Inting Anak Nyami and representatives from UCSI University and AZAM Sarawak, who were also key collaborators in the zero food waste campaign.





Jasbir cooking her signature seafood Paella.

*Jasbir memasak hidangan khususnya, "Paella" makanan laut.*



UCSI students, Nur Sabrina and Caven Tan, making Coxinha, a Brazilian specialty, out of leftover roasted chicken.

*Pelajar UCSI, Nur Sabrina dan Caven Tan, memasak hidangan Brazil, "Coxinha", yang dibuat daripada lebihan ayam panggang.*



Attendees tasting Jasbir's Caramel Bread Pudding, demonstrating the versatility of bread.

*Para hadirin merasai Puding Roti Karamel Jasbir yang mempamerkan keserbagunaan roti.*

*Trienekens (Sarawak) Sdn Bhd baru-baru ini telah melancarkan siri video "Scraps to Scrumptious," satu inisiatif kesedaran "zero food waste" yang bertujuan meningkatkan kesedaran tentang pencegahan sisa makanan. Acara pelancaran ini menandakan satu pencapaian penting dalam usaha menangani isu kehilangan dan pembaziran makanan di Sarawak yang disokong oleh Lembaga Sumber Asli dan Alam Sekitar (NREB) Sarawak dan Universiti UCSI.*

*Siri video 12 episod tersebut mempamerkan resipi kreatif yang menunjukkan cara mengubah bahan-bahan yang biasanya dibuang kepada hidangan yang lazat dan berkhasiat. Melalui video yang menarik ini, Trienekens dengan kerjasama finalis MasterChef Asia, Jasbir Kaur, berharap individu dan komuniti digalakkan untuk mengamalkan gaya hidup mampan serta memberi impak positif dengan mengurangkan sisa makanan.*

*Siri video ini, yang dilancarkan sempena Hari Kesedaran Antarabangsa Mengenai Kehilangan dan Pembaziran Makanan dan merupakan sebahagian daripada aktiviti sampingan yang dirancang di bawah sambutan Hari Alam Sekitar Kebangsaan 2024 anjuran NREB Sarawak pada bulan Oktober, telah dirasmikan oleh Timbalan Premier Sarawak, YB Datuk Amar Prof. Dr. Sim Kui Hian, dengan ucapan beliau yang disampaikan oleh YB Datuk Dr. Hazland Bin Abang Haji Hipni, Timbalan Menteri Tenaga dan Kelestarian Alam Sekitar.*

*Turut hadir pada majlis tersebut ialah CEO Kumpulan Trienekens, Encik Stephen Chin, Timbalan Controller NREB, Encik Paul Bond Anak Chamberlin, Timbalan Datuk Bandar Majlis Bandaraya Kuching Selatan (MBKS), Dato Zaedi Haji Suhaili, Pengerusi Majlis Perbandaran Padawan (MPP), Cr. Tan Kai, Pengerusi Majlis Daerah Serian (SDC), Inting Anak Nyami, serta wakil-wakil dari Universiti UCSI dan AZAM Sarawak yang juga rakan usaha utama dalam kempen "zero food waste" ini.*



Senior Executive of Business Development, Timothy Marimuthu giving an awareness talk on reducing food waste.

*Eksekutif Kanan Pembangunan Perniagaan, Timothy Marimuthu memberi ceramah kesedaran pengurangan sisa makanan.*



Attendees taking part in an online quiz at Trienekens' exhibition booth.

*Para hadirin mengambil bahagian dalam kuiz dalam talian di pameran Trienekens.*

## Sustainable Partnerships For Greener Communities Kerjasama Lestari Untuk Komuniti Yang Lebih Hijau



Trienekens COO, Alice Lee (second right) along with other VIP guests during the launching ceremony.  
COO Trienekens, Alice Lee (kedua kanan) bersama tetamu kehormat lain semasa majlis perasmian.

With the support of the Ministry of Public Health, Local Government and Housing (MPHLG) Sarawak, Malaysian Recycling Alliance Berhad (MAREA), the Commission of the City of Kuching North (DBKU), ETHOS Connect and Trienekens recently joined forces to introduce a kerbside collection recycling pilot project within selected DBKU housing areas.

The project is part of MAREA's commitment to bring about positive change by building awareness on the circular economy while improving collection and recycling rates through best recycling practices leading to a greener, cleaner Malaysia and a more sustainable, waste-reduced future.

The pilot project involving over 1,500 households consists of bi-monthly kerbside collections of recyclable paper, plastic and metals. Throughout the programme, several awareness activities were also carried out for the communities, such as environmental awareness talks and community engagement sessions.

*Dengan sokongan Kementerian Kesihatan Awam, Perumahan dan Kerajaan Tempatan (MPHLG) Sarawak, Malaysian Recycling Alliance Berhad (MAREA), Dewan Bandaraya Kuching Utara (DBKU), ETHOS Connect serta Trienekens telah bekerjasama untuk memperkenalkan projek perintis kitar semula kutipan tepi jalan di kawasan perumahan terpilih di DBKU.*

*Projek ini adalah sebahagian daripada komitmen MAREA untuk membawa perubahan positif dengan meningkatkan kesedaran tentang ekonomi kitaran sambil meningkatkan kadar kutipan dan kitar semula melalui amalan kitar semula terbaik, membawa kepada Malaysia yang lebih hijau, bersih dan masa depan yang lebih mampan dengan pengurangan sisa.*

*Projek perintis ini melibatkan lebih daripada 1,500 rumah dan merangkumi kutipan kitar semula kertas, plastik dan logam dua kali sebulan. Sepanjang program ini, beberapa aktiviti kesedaran turut diadakan untuk komuniti, seperti ceramah kesedaran alam sekitar dan sesi keterlibatan komuniti.*

# Employees Of The Year 2024

## Pekerja-Pekerja Cemerlang Tahun 2024



Esther Wee (right) receiving her award from Trienekens GCEO, Stephen and Division Manager of Business Development (Commercial Waste), Hansen Shim (left).

*Esther Wee (kanan) menerima anugerahnya daripada GCEO Trienekens, Stephen dan Pengurus Jabatan, Pembangunan Perniagaan (Sisa Komersial), Hansen Shim (kiri).*



Halmai @ Halmi Bin Ogik (centre) receiving his award from Stephen and Division Manager for Logistics and Services, Lee Ghee Seng (right).

*Halmai @ Halmi Bin Ogik (tengah) menerima anugerahnya daripada Stephen dan Pengurus Bahagian Logistik dan Perkhidmatan, Lee Ghee Seng (kanan).*



Mohd Ali Jono Bin Abdullah (centre) receiving his award from Stephen and Lee (right).

*Mohd Ali Jono Bin Abdullah (tengah) menerima anugerahnya daripada Stephen dan Lee (kanan).*

Trienekens Employee of the Year Award is a special recognition presented annually to team members who demonstrate outstanding dedication, exceptional performance and unwavering commitment throughout the year.

The recipients of the Trienekens Employee of the Year Award 2024 were Esther Wee Siu Ing (Headquarters), Halmai @ Halmi Bin Ogik and Mohd Ali Jono Bin Abdullah (Kuching Logistics and Services), Lukas Bin Lawang (KIWMP) and Bonnyface Anak Jackson and Joelius Basil Anak Patrick (Bintulu Branch). The prestigious Best Employee (Overall) award was presented to Lawrence Lau Sii Wei from the Bintulu Branch.

*Anugerah Pekerja Terbaik Trienekens ialah pengiktirafan istimewa yang diberikan setiap tahun kepada anggota-anggota pasukan cemerlang di atas dedikasi, prestasi, dan komitmen yang tidak berbelah bahagi sepanjang tahun.*

*Pemenang-pemenang Anugerah Pekerja Terbaik Trienekens 2024 terdiri daripada Esther Wee Siu Ing (Ibu Pejabat), Halmai @ Halmi Bin Ogik dan Mohd Ali Jono Bin Abdullah (Bahagian Logistik dan Perkhidmatan Kuching), Lukas Bin Lawang (KIWMP), dan Bonnyface Anak Jackson dan Joelius Basil Anak Patrick (Cawangan Bintulu). Anugerah Pekerja Terbaik (Keseluruhan) yang berprestij telah disampaikan kepada Lawrence Lau Sii Wei dari Cawangan Bintulu.*



Lukas Bin Lawang (second right) receiving his award from Trienekens COO, Alice Lee, General Manager for Treatment and Disposal, Simon Chow (left) and Department Manager for Landfill, Julian Gabriel Bain (right).

*Lukas Bin Lawang (kedua kanan) menerima anugerahnya daripada COO Trienekens, Alice Lee, Pengurus Besar Rawatan dan Pelupusan, Simon Chow (kiri) dan Pengurus Jabatan Tapak Pelupusan, Julian Gabriel Bain (kanan).*



Bonnyface Anak Jackson (right) receiving his award from Senior Manager of Bintulu Branch, Patricia Susie Nyisong.

*Bonnyface Anak Jackson (kanan) menerima anugerahnya daripada Pengurus Kanan Cawangan Bintulu, Patricia Susie Nyisong.*



Joelius Basil Anak Patrick (right) receiving his award from Patricia.

*Joelius Basil Anak Patrick (kanan) menerima anugerahnya daripada Patricia.*



Lawrence Lau Sii Wei (right) receiving his award from Patricia.

*Lawrence Lau Sii Wei (kanan) menerima anugerahnya daripada Patricia.*

## New Team Members / Tenaga Kerja Baru

### Kuching Headquarters & Depot/ Ibu Pejabat Kuching & Depot



**Jufenna Anak Jack**  
Executive, Quality & Licensing  
Eksekutif, Kualiti & Perlesenan



**Aida Afrina Binti Affendi**  
IT Executive  
Eksekutif IT



**Kester Sim Qing Wei**  
Senior Assistant, Business Development  
Pembantu Kanan, Pembangunan Perniagaan



**Adriana Anak Benedict Poris**  
Administrator, Business Development  
Pentadbir, Pembangunan Perniagaan



**Mohd Hairol Syafiq Bin Jeffery**  
Senior Administrator, Logistics Maintenance  
Pentadbir Kanan, Penyelenggaraan Logistik



**Mag Wencellas Anak Daniel**  
Supervisor, Logistics & Services  
Penyelia, Logistik & Perkhidmatan



**Freddy Winston Anak Sikel**  
Mechanic  
Mekanik



**Fareez Bin Affandi**  
Junior Supervisor, Logistics & Services  
Penyelia Muda, Logistik & Perkhidmatan



**Brosnan Neassar Anak Jentry**  
Logistics Assistant, Logistics & Services  
Pembantu Logistik, Logistik & Perkhidmatan



**Nichell Platini Anak David Reddy**  
Driver, Scheduled Waste  
Pemandu, Sisa Terjadual



**Kaney Anak Roland**  
Driver, Scheduled Waste  
Pemandu, Sisa Terjadual



**Mohammad Termizi Bin Sapaay @ Sepawi**  
Driver, Scheduled Waste  
Pemandu, Sisa Terjadual



**Giverson Gibson Anak Bat**  
Attendant, Scheduled Waste  
Atendan, Sisa Terjadual

### Kuching Integrated Waste Management Park (KIWMP)/ Taman Pengurusan Sisa Bersepadu Kuching



**Belynna Joyce Anak Jurong**  
Engineer, Maintenance  
Jurutera, Penyelenggaraan



**Lee Hon Fa**  
General Operation Assistant (1), KIWMP Maintenance  
Pembantu Operasi Am (1), Penyelenggaraan KIWMP



**Hallminson Anak Misan**  
General Operation Assistant (1), KIWMP Maintenance  
Pembantu Operasi Am (1), Penyelenggaraan KIWMP



**Freddy McCliff Anak Wilson**  
General Operation Assistant (1), LWWTWP  
Pembantu Operasi Am (1), LWWTWP



**Michealenson Anak Rockson**  
General Worker, Landfill  
Pekerja Am, Tapak Pelupusan



**John Rexcol Anak Laju**  
General Worker, KIWMP Maintenance  
Pekerja Am, Penyelenggaraan KIWMP



**Vestonson Mixer Anak Auther**  
General Worker, Landfill  
Pekerja Am, Tapak Pelupusan

### Bintulu Branch/ Cawangan Bintulu



**Amjad Bin Mahari**  
Executive, HSE  
Eksekutif, HSE



**Deborah Debbie Lenjau**  
Executive Administrator, Scheduled Waste Operations  
Pentadbir Eksekutif, Operasi Sisa Terjadual



**Mohd Haziq Bin Hateni**  
Loader  
Pemunggah



**Muhd Fakhruddin Bin Mahmud**  
Attendant, Scheduled Waste  
Atendan, Sisa Terjadual

## Promotions / Kenaikan Pangkat

### Kuching Headquarters & Depot/ Ibu Pejabat Kuching & Depot



**Marilyn Anak Martin**  
Senior Executive, Health, Safety & Security  
Eksekutif Kanan, Kesihatan, Keselamatan & Kawalan



**Wilfred Jalin Anak Rentap**  
Supervisor, Logistics & Services  
Penyelia, Logistik & Perkhidmatan

# Spot The Difference / Carikan Perbezaan



Spot and circle all 10 differences in the photos below and stand a chance to win a JBL GO 3 Portable Waterproof Speaker.

Cari dan bulatkan kesemua 10 perbezaan di dalam gambar-gambar berikut dan berpeluang memenangi Pembesar Suara Kalis Air Mudah Alih JBL GO 3.



Congratulations to Marilyn Martin, winner of last issue's Spot the Difference contest. She brought home a JBL GO 3 Portable Waterproof Speaker!

*Tahniah kepada Marilyn Martin, pemenang peraduan Cari Perbezaan isu lepas. Beliau membawa balik Pembesar Suara Kalis Air Mudah Alih JBL GO 3!*

Please send in your entry to the following address before **15 May 2025**. Late entries will not be entertained.

*Sila kembalikan penyertaan anda ke alamat berikut sebelum **15 Mei 2025**. Penyertaan lewat tidak akan dilayan.*

**Corporate Communications Division,  
Trienekens (Sarawak) Sdn. Bhd.**  
216 Jalan Sungai Tapang,  
Lot 2040 Block 15 MTL D,  
93250 Kuching, Sarawak.

## Personal Details/ Butiran Peribadi

All the terms stated in Trienekens Terms of Use, Privacy Policy and Personal Data Protection Notice are applicable: <http://trienekens.com.my/terms-of-use-and-privacy-policy/>. By completing this form, you are deemed to be aware and consent to Trienekens Terms of Use, Privacy Policy and Personal Data Protection Notice.

Semua terma yang dinyatakan dalam Syarat-syarat Penggunaan, Dasar Privasi dan Notis Perlindungan Data Peribadi Trienekens (Sarawak) Sdn Bhd adalah digunakan: <http://trienekens.com.my/terms-of-use-and-privacy-policy/>. Dengan melengkapkan borang ini, anda dianggap memahami dan bersetuju dengan Syarat-syarat Penggunaan, Dasar Privasi dan Notis Perlindungan Data Peribadi Trienekens (Sarawak) Sdn Bhd.

Name/Nama .....

IC No./No. KP .....

Are you a Trienekens' Staff?/Adakah anda pekerja Trienekens?  Yes/Ya  No/Tidak

(If yes / Jika ya) Trienekens' Employee No. / No. Pekerja Trienekens: .....

Address/Alamat .....

Tel. No./No. Tel .....



**Trienekens (Sarawak) Sdn. Bhd.** 199901010396 (485296-V)  
“Your Trusted Partner In Environmental Management”

**Headquarters (Kuching)**

216 Jalan Sungai Tapang,  
Lot 2040 Block 15 MTLA,  
93250 Kuching,  
Sarawak, Malaysia.

Tel : +6082 610700  
Hotline : +6082 612300  
Fax : +6082 620120  
Email : [customercare@trienekens.com.my](mailto:customercare@trienekens.com.my)

**Bintulu Branch & Depot**

Lot 4034 Block 26,  
Kemena Land District,  
Kidurong Light Industrial Estate,  
Jalan Tanjung Kidurong  
97000 Bintulu,  
Sarawak, Malaysia.

Tel : +6086 253959  
Fax : +6086 253115  
Email : [customercare@trienekens.com.my](mailto:customercare@trienekens.com.my)

[www.trienekens.com.my](http://www.trienekens.com.my)